

SECEBIS MEMORI



Perjalanan
UiTM
Kampus Segamat

SITI NUUR-ILA MAT KAMAL
MOHD ZUL AZMI ISHAK

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

Hak Cipta Terpelihara

© Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor Kampus Segamat, 2019

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian daripada bahan cetakan ini atau memindahkannya ke dalam sebarang bentuk melalui sebarang cara, sama ada secara elektronik atau mekanik, termasuk fotokopi, rakaman atau sebarang bentuk penyimpanan maklumat dan sistem menyalin, sebelum mendapat keizinan bertulis daripada Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor Kampus Segamat, 2019.

Fakulti Pengurusan Maklumat
Universiti Teknologi MARA Cawangan Johor
Kampus Segamat
Jalan Universiti Off Km. 12 Jalan Muar
85000 Segamat, Johor

ANIS ADILA ROZAIDI	NUR AZIMAH AZIB
ASMA SALSABILA MOHD NURI	NUR FARAH NAZIRAH MD KHAIRI
ASMAAK BASYIRAH ISHARUDDIN	NUR FATMA IDATUL AINI CHE MUD
AZIQ ZAINAL ABIDIN	NUR HAZWANIE EMBONG
DAYANG SITI NAZIEHAH AWANG	NUR LIYANA BAHRUDIN
MEDON	NUR SYAHIRAH ZAMRI
FATIN SYAZWANIZ YAHYA	NURFARISYA AMEERA ADRIS
MAISARAH ZUNAIDI	NURNADIRA SYAZWANI SAHARUD-DIN
MOHAMAD HARRIS ZAINAL	NURSYAZWANI MOHD SHAFIEE
MOHD ARIF AIMAN ISMAIL	NURUL NABILAH MOHD NASIR
MUHAMAD SYAFIQ ZAINUDIN	NURUL NATASHA MOHAMAD ASRI
NAJWA ASHILA REYME	SITI NUR FATIHAH MOHD ZAMANI
NIK DZUAIN SUHANA NIK DAZUKI	SITI SUHAILAH HAJI MOHD SENDEK
NUR ALISSA UMAIRA ROSLAN	
NUR AMIZA BINTI ALI	

ILLUSTRATOR DAN REKA BENTUK

NURUL NADIAH SUJOHNO
MOHAMAD FAHMI FAIZ ABD GHANI
NOOR KHAIRIYAH BINTI ISHAMUDDIN

SUMBER RUJUK

PUAN SHAMSHIAH BINTI A. RAHMAN
ENCIK SAID BIN DIS
ENCIK NORHISHAM BIN AMBI
ENCIK HUSSIN BIN HAJI AB MUTALIB
PUAN ROHANI BINTI JANGGA

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan izin-Nya, Buku Secebis Memori: Perjalanan UiTM Segamat telah Berjaya disediakan. Buku ini adalah julung kali dihasilkan dengan kerjasama dua orang pensyarah di dalam bidang pengurusan maklumat dan dibantu oleh sekumpulan Pelajar Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Rekod dari Fakulti Pengurusan Maklumat UiTM Cawangan Johor. Secara amnya buku ini membawa konsep historiografi ringkas yang menjadi simbolik kepada usaha-usaha pendokumentasian maklumat sejarah penubuhan UiTM Cawangan Johor serta barisan mantan Rektor UiTM Cawangan Johor atau sebelum ini juga dikenali dengan pengetua, pengarah dan provos kampus. Isi kandungan buku ini hadir dalam bentuk pendeskripsian berdasarkan piawaian yang telah ditetapkan oleh arkib negara untuk bahan arkib berformat gambar.

Bermula dengan pengumpulan maklumat melalui sejarah lisan, fakta-fakta yang terdapat di dalam buku ini dirakam melalui temubual bersama beberapa individu yang terlibat secara lansung dengan peristiwa dan perjalanan sejarah UiTM Cawangan Johor. Hasil temubual ini kemudiannya dipindahkan ke dalam format deskripsi bagi tujuan pendokumentasian.

Justeru adalah diharapkan agar buku ini dapat memberi sumbangan secara lansung kepada pembangunan dan pemeliharaan maklumat kekal bagi sejarah penubuhan organisasi di Malaysia khususnya UiTM. Penerbitan buku ini juga diharap dapat menjadi sumber rujukan kekal bagi generasi akan datang terutamanya warga UiTM.

Akhir kata, saya ingin merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada pihak yang terlibat secara lansung dan tidak lansung dalam menjayakan penerbitan Buku Secebis Memori: Perjalanan UiTM Segamat.

Sekian Wassalam,



SITI NUUR-ILA MAT KAMAL

Pensyarah Kanan
Fakulti Pengurusan Maklumat
UiTM Cawangan Johor

K A N D U N G A N

4	JAWATANKUASA PENDESKRIPSIAN
5	PRAKATA
7	MENYINGKAP SEJARAH UTM JOHOR
8	VISI & MISI
9	SEJARAH PENUBU- HAN UTM JOHOR
20	MEMOIR MANTAN MANTAN REKTOR
33	MEMOIR REKTOR SEMASA
34	SEKAPUR SIREH

Menyingkap Sejarah UiTM Kampus Segamat

UiTM Cawangan Johor melakar sejarah di negeri Johor Darul Ta'zim ini pada tahun 1983. Kampus pertamanya di Bukit Siput telah dirasmikan pembukaannya oleh Dato' Abd. Ajib bin Ahmad, Menteri Besar Johor pada ketika itu. Atas keperluan yang kian berganda, lokasi UiTM Cawangan Johor kini berpindah ke bangunan yang lebih besar dan selesa iaitu di Segamat Baru pada tahun 1985. Pada tahun 1990, UiTM Cawangan Johor telah tersergam indah di KM12, Jalan Muar-Segamat di atas tanah kurniaan pemerintah negeri.

Di sini, UiTM Cawangan Johor telah berkembang pesat dengan memenuhi tanggung-jawab sebagai kampus UiTM Negeri. Kampus Segamat ini menempatkan empat (4) buah fakulti iaitu Fakulti Perakaunan, Fakulti Pengurusan Perniagaan, Fakulti Pengurusan Maklumat dan Fakulti Sains Komputer & Matematik. Sebelum ini, kampus kedua bagi UiTM Cawangan Johor adalah merupakan Kampus Bandaraya Johor Bahru yang terletak di Larkin. Kampus Pasir Gudang, merupakan kampus kedua bagi UiTM Cawangan Johor di Bandar Seri Alam. Kampus Pasir Gudang ini mula beroperasi pada 1 Mei 2014 dan menempatkan lima (5) buah fakulti iaitu Fakulti Kejuruteraan Awam, Fakulti Kejuruteraan Elektrik, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, Fakulti Kejuruteraan Kimia dan Fakulti Pengurusan Perniagaan.

UiTM Cawangan Johor kini dilengkapi dengan pelbagai infrastruktur pengajaran & pembelajaran serta kemudahan riadah dan rekreasi yang menjadikannya sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang disegani. Yang pasti, UiTM Cawangan Johor akan berterusan menempa nama gemilang sebagai bukti keluhuran budi dan kemurnian jati diri anak bangsa dan pertiwi.



VISI

Menjadikan UiTM sebuah universiti unggul yang berteraskan kesarjanaan dan kecemerlangan akademik bagi menerajui dinamisme bumiputera dalam semua bidang profesional bertaraf dunia supaya terakhir graduan yang berdaya saing, global dan beretika.

MISI

Mempertingkatkan keilmuan dan kepakaran bumiputera dalam semua bidang menerusi penyampaian program profesional, penyelidikan serta penglibatan khidmat masyarakat yang berlandaskan kepada nilai-nilai murni dan etika keprofesionalan.

*Sejarah
Penubuhan
UiTM*



Imej menunjukkan sejarah awal pembukaan ITM Cawangan Johor Kampus Segamat di kampus sementara melibatkan deretan rumah kedai yang merupakan lokasi bangunan Institut Teknologi Mara pada tahun 1983-1985. Pada ketika ini bangunan rumah kedai ini mempunyai dua tingkat dimana kelas dan setiap unit pentadbiran berada di satu bangunan.

Imej ini menunjukkan bangunan sementara Institut Teknologi Mara Cawangan Johor yang bertempat di Taman Indah Bukit Siput, Segamat sekitar tahun 1984. Bangunan ini merupakan baris kedai 2 tingkat dan dapat menempatkan seramai 440 orang pelajar sahaja pada satu-satu masa. Terdapat papan tanda yang berwarna biru berdekatan bangunan tersebut yang memperkenalkan logo ITM dan dipaparkan tanda itu juga bertulis, Institut Teknologi

Mara Cawangan Johor, Segamat. Di sebelah kanan gambar, terdapat sebuah bas ITM Cawangan Johor, Segamat yang digunakan sebagai pengangkutan oleh pelajar dimana ia berada dihadapan bangunan sementara Institut Teknologi Mara Cawangan Johor, Segamat.





Imej ini dirakam ketika Hari Terbuka Institut Teknologi Mara (ITM) Cawangan Johor Kampus Segamat. Pada hari tersebut pihak ITM Cawangan Johor Kampus Segamat menerima kunjungan hormat daripada Y.A.B Dato' Abdul Ajib Ahmad, Menteri Besar Johor kerana pada dasarnya beliau telah memberi persetujuan bagi meluluskan penubuhan ITM Cawangan Johor Kampus Segamat dalam Rancangan Malaysia ke-3 (RMK 3)

dijalankan dalam tahun 1976-1980 semasa tempoh Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Imej merakamkan papan tanda Institut Teknologi Mara (ITM) yang dipasang pada tahun 1983 di bahagian hadapan bangunan sementara ITM Bukit Siput, Segamat Johor. Papan tanda tersebut menggunakan 2 jenis tulisan; rumi dan jawi yang membawa perkataan Institut Teknologi Mara Cawangan Johor Segamat. Selepas wujudnya bangunan ini, satu keputusan mesyuarat dan perbincangan rasmi dengan Pegawai Kerajaan Johor di pejabat

Daerah Segamat telah dibuat bagi membincangkan mengenai tapak kampus ITM Cawangan Segamat. Di dalam pertemuan tersebut ITM telah menghantar wakil seramai 11 orang dan 6 orang wakil daripada kerajaan Negeri Johor juga telah turut serta.





Imej kampus pertama UiTM Segamat yang terletak di Bukit Siput. UiTM Segamat atau dikenali sebagai Institut Teknologi Mara (ITM) pada ketika itu mula menyewa beberapa barisan kedai pada awal penubuhannya iaitu pada tahun 1983.

Imej pintu masuk ke Asrama Temenggong Abdul Rahman yang terletak di Bukit Siput, Segamat, Johor pada tahun 1983. Asrama ini dimiliki oleh UiTM Segamat ataupun dikenali sebagai Institut Teknologi Mara (ITM) pada waktu itu.





Imej papan tanda keterangan projek oleh Jabatan Kerja Raya Malaysia. Papan keterangan ini dipasang di tapak kampus tetap sebagai keterangan kepada projek mereka bentuk, membina, menyiapkan dan melancarkan kampus tetap ITM Segamat yang teretak di KM12 Jalan Muar, Segamat Johor. Projek membina ITM Cawangan Johor ini diuruskan oleh Pengarah Unit Perlaksanaan Projek Turnkey, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya Malaysia manakala kontraktor yang dilantik adalah Kuari Indera Development and Construction SDN. BHD.



Kerajaan Negeri Johor telah menyumbang sebidang tanah bagi tujuan pembangunan pendidikan di Daerah Segamat melalui pembinaan sebuah kampus tetap ITM di daerah tersebut. Peristiwa pembinaan kampus tetap ITM Segamat ini bermula akhir tahun 1980 di atas tanah seluas 200 hektar. Pada imej tersebut terdapat sekumpulan pekerja buruh mahir yang berkelayakan dan berpengalaman dalam menjalankan projek pembinaan yang dirancang. Proses pembinaan ini diselia oleh Pengarah Unit Perlaksanaan Projek Turnkey, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya Malaysia. Projek Turnkey telah diperkenalkan oleh pihak kerajaan di dalam perlaksanaan projek pembangunan pada awal tahun 80-an. Para pekerja buruh kelihatan sedang menyiapkan struktur asas bangunan ITM Segamat yang melibatkan struktur asas tapak bangunan yang dipasang dan disambung bagi menghasilkan kerangka menampung beban bangunan-bangunan ITM Kampus Segamat. Berdasarkan gambar ini para pekerja sedang melakukan lambakan lapisan pasir yang ditaburkan di atas lapisan asas supaya mendapatkan permukaan yang rata dan mampat untuk kerja pembinaan konkrit.



Imej menunjukkan persekitaran pembinaan laluan masuk separuh siap ke Institut Teknologi Mara (ITM) Cawangan Johor Kampus Segamat pada pembinaan peringkat awal yang menghubungkan laluan masuk ITM Kampus Segamat dan lebuhraya KM 12, Jalan Muar. Pembinaan ini melibatkan jalan dua lorong dua hala dan merentasi kawasan hutan tebal.

Pada peringkat awal pembinaan, ia melibatkan tapak asas terdiri daripada cerucuk keping, cerucuk besi, kayu dan konkrit bagi menampung beban struktur jalan. Boleh dilihat pada sudut kanan gambar terdapat deretan pembatas jalan plastik yang diletakkan sepanjang pembinaan dan juga terdapat sebuah pondok tinggal sementara bagi pekerja buruh yang terlibat pada ketika itu. Dari sudut kiri gambar juga, dapat dilihat ruang kecil yang menempatkan alatan dan bahan mentah untuk kegunaan pembinaan.

Majlis pembukaan ITM Cawangan Segamat di Bukit Siput pada tahun 1983. Pembukaan ITM Segamat ini telah melakar sejarah di negeri Johor Darul Ta'zim apabila Daerah Segamat telah dipilih sebagai daerah yang menjayakan pembangunan pendidikan selepas Johor Bahru. Majlis pembukaan ini telah dirasmikan oleh Y.A.B Dato' Abdul Ajib bin Ahmad yang merupakan Menteri Besar Johor pada ketika itu.





memenuhi tanggungjawab sebagai kampus UiTM Negeri, ia menempatkan empat Fakulti atau pada ketika itu dipanggil sebagai Kursus iaitu Kursus Perakaunan dan Kursus Pengurusan Perniagaan, Kursus Sains Kesetiausahaian dan Kursus Pentadbiran Awam.

Gambar rajah di atas menunjukkan infrastruktur terbaru disebabkan keperluan yang berganda. Lokasi ITM Segamat berpindah ke bangunan yang lebih besar dan selesa pada tahun 1985. Pada 1 Januari 1990, ITM Segamat beroperasi sepenuhnya dan tersergam indah di KM12, Jalan Muar dan dikenali sebagai Jalan Universiti. UiTM Cawangan Johor berkembang dengan pesat dengan

Majlis Perasmian Penubuhan ITM Cawangan Johor Kampus Segamat pada 23 Mac 1985 bersamaan 10 Rejab 1403H yang telah menjemput beberapa individu termasuk Kehadiran Khas Menteri Besar Johor iaitu Y.A.B Dato Abdul Ajib. Kelihatan juga Y.A.B Dato Abdul Ajib berada di tempat duduk beliau di ruang tengah pentas bersama tetamu kehormat yang lain.





Gambar ini diambil pada 23 Mac 1985 bersamaan 10 Rejab 1403H ketika Majlis Perasmian Penubuhan ITM Cawangan Johor Kampus Segamat. Majlis perasmian ini dirasmikan oleh Y.A.B Dato Abdul Ajib Menteri Besar dan gambar ini dari sudut hadapan pentas menunjukkan Y.A.B Dato Abdul Ajib sedang berdiri memberi ucapan berhadapan podium yang terdapat logo ITM.

berwarna kuning. Serta terdapat lima orang tetamu yang turut hadir dan mengiringi Y.A.B pada majlis perasmian tersebut.

Gambar di atas berkenaan lokasi kampus tetap ITM Cawangan Johor Kampus Segamat di KM12 Jalan Muar yang dibuka pada 31 Disember 1989. Penubuhan kampus tetap ITM Cawangan Johor Kampus Segamat ini rentetan Pihak Kementerian Pelajaran telah memberitahu ITM bahawa kerajaan telah meluluskan



penubuhan ITM Cawangan Segamat di dalam Rancangan Malaysia ke-3. Gambar ini diambil pada Januari 1990 yang terdapat bangunan Sri Bendahara dan bangunan Pentadbiran yang terdiri daripada Hal Ehwal Akademik, Hal Ehwal Pelajar, Unit Sukan, Unit Keselamatan dan Unit Pentadbiran.



Kajian iaitu Kajian Perakaunan, Kajian Pengurusan Perniagaan, Kajian Pengurusan Maklumat dan Kajian Sains Maklumat & Matematik. Bangunan ini mampu menampung kapasiti pelajar seramai 2,500 orang.

Bangunan-bangunan di sekitar Institut Teknologi MARA (ITM) Cawangan Johor Kampus Segamat yang siap dibina sepenuhnya pada tahun 1990. Di sebelah kanan gambar terdapat bangunan bagi pensyarah, surau dan juga kafeteria yang kini dikenali sebagai kafeteria blok pentadbiran. Di sebelah kiri gambar pula, terdapat bangunan bilik kuliah iaitu Blok Usahawan yang menempatkan 4 buah

Perpustakaan ini memulakan perkhidmatannya di Bukit Siput pada tahun 1983 dan kemudian pindah ke Segamat Baru pada tahun 1984. Pada tahun 1990, ia dipindahkan ke KM 12, Jalan Muar, Segamat. Pada pertengahan bulan Mei 1998, ia memulakan operasinya di bangunannya sendiri dan pada 04 Mei 2005, Perpustakaan UITM Johor secara rasminya dinamakan "Tun Dr. Ismail". Nama ini diambil bersempena dengan Timbalan Perdana Menteri kedua,

Tun Dr Ismail bin Abdul Rahman. Encik Taufiq bin Tun Dr. Ismail (anak Tun Dr Ismail) telah memberi kebenaran untuk menggunakan nama itu.





Gambar ini menunjukkan sebuah bangunan yang bernama Rumah Tamu Institut Teknologi MARA Cawangan Johor Segamat dan sekarang dikenali sebagai Rumah Tamu Ledang Inn, UiTM Cawangan Johor Kampus Segamat yang berhampiran dengan Masjid As-Syakirin. Di sekelling Rumah Tamu ini terdapat beberapa rumpun pohon pinang dan di hadapan Rumah Tamu ini terdapat 2 orang perempuan dan

seorang lelaki sedang melalui depan Rumah Tamu. Rumah Tamu ini menjadi tempat penginapan individu yang mempunyai urusan kerja dan boleh bermalam di sini beberapa malam. Pada 1 Januari 1990, kerajaan negeri Johor telah mengurniakan sebanyak 200 hektar tanah kepada Institut Teknologi MARA Cawangan Johor Segamat untuk membangunkan beberapa bangunan dan salah satunya ialah Rumah Tamu ini. Rumah Tamu ini terbahagi kepada 2 tingkat.


Imej bangunan pentadbiran yang dinamakan sebagai Bangunan Sri Bendahara yang terletak di Institut Teknologi MARA Cawangan Johor Kampus Segamat yang kini dikenali sebagai Universiti Teknologi MARA di Km 12 Jalan Muar, Segamat. Kampus ini siap sepenuhnya pada tahun 1990 dan bangunan ini mempunyai tiga tingkat yang menempatkan Pejabat Pengarah, Hal Ehwal Akademik, Hal Ehwal Pelajar,

Unit Sukan, Unit Keselamatan, dan Unit Pentadbiran. Di hadapan bangunan ini terdapat laluan bagi kenderaan dan di sekitar laman bangunan dihiasi landskap pokok-pokok.



Memoir
Mantan
Mantan
Rektor

Rektor Pertama



Amir bin Zainol Abidin

Beliau merupakan Pengetua pertama atau kini dikenali sebagai Rektor yang dilantik menerajui pentadbiran ITM Cawangan Johor. Perkhidmatan beliau sebagai Pengetua bermula pada 1 Disember 1983 dan berakhir pada 31 Julai 1984. Semasa tempoh beliau sebagai pengetua ITM Cawangan Johor, pentadbiran beliau pada ketika itu adalah bertempat di kampus sementara, Taman Indah, Bukit Siput, Segamat.


Rektor ke 2



Dr. Mohammad Said bin Zainol

Memegang tempoh perkhidmatan selama 2 tahun 4 bulan, Dr. Mohammad Said merupakan Pengetua kedua yang dilantik bagi meneruskan kesinambungan pentadbiran ITM Cawangan Johor di bangunan sementara ITM Bukit Siput. Beliau mempunyai latar belakang akademik dalam bidang Teknologi Maklumat dan Sains Komputer dan beliau menggalas tanggungjawab tersebut berakhir pada 1 Disember 1986.


Rektor ke 3



Dr. Munshi bin Abd. Hamid

Beliau merupakan Pengarah (penukaran gelaran bagi jawatan Pengetua) ITM Cawangan Johor yang dilantik dari Fakulti Kejuruteraan. Perlantikan beliau sebagai Pengarah pada ketika itu bukan sahaja bertujuan untuk mentadbir ITM Cawangan Johor malah bagi memantau pembinaan dan pembangunan kampus tetap ITM Johor di Jalan Muar, Segamat. Sepanjang menggalas tugas sebagai Ketua Pentadbir Kampus, beliau juga terlibat dalam pengajaran dan pembelajaran bagi subjek Matematik. Tempoh perkhidmatan beliau sebagai Pengarah ialah pada 1 Januari 1987 sehingga 31 Julai 1988.

Rektor ke 4



Aminuddin bin Hj. Mohamad

Tuan Aminuddin Hj. Mohamad telah dilantik sebagai Pengarah di ITM Cawangan Johor pada 1 Ogos 1988. Beliau juga merupakan pensyarah dari Fakulti Teknologi Maklumat dan Sains Komputer dan Matematik (FTMSK) dan antara barisan Ketua Pentadbir yang juga banyak menyumbang kepada pembangunan pelajar serta akademik di ITM Cawangan Johor di kampus sementara, Bukit Siput. Perlantikan beliau juga turut menyaksikan detik penting bila mana ITM Cawangan Johor yang beroperasi di bangunan sementara Bukit Siput pada ketika itu dipindahkan ke kampus tetap di Jalan Muar, Segamat. Amanah tugas beliau sebagai pengarah di ITM Cawangan Johor tamat pada 31 Julai 1990.

Rektor ke 5



Alias bin Ramli

PDalam kenangan, beliau merupakan Pengarah ITM Cawangan Johor yang ke-5. Merupakan pensyarah Fakulti Pengurusan Perniagaan, perlantikan beliau sebagai Pengarah pada ketika itu memperlihatkan perkembangan ITM Cawangan Johor yang beroperasi di kampus tetap. Tempoh perkhidmatan belliau bermula dari 15 Ogos 1990 dan berakhir pada 14 Ogos 1993.

Rektor ke 6



YB Datuk Dr Shahruddin bin Md Salleh

Pada 15 Ogos 1993, beliau mula berkhidmat sebagai Pengarah ITM Cawangan Johor yang dilantik daripada Fakulti Kejuruteraan dan berakhir pada 15 Ogos 1995. Beliau kemudiannya berkecimpung di dalam bidang politik dan dilantik menjadi Ahli Dewan Negeri Johor bagi mukim Jorak dalam daerah Muar bermula pada 28 April 2008 sehingga 6 April 2018. Selepas itu, beliau menggalas tugas sebagai Setiausaha Agung Parti Pribumi Bersatu Malaysia selama 2 tahun yang pada ketika itu diketuai oleh Tan Sri Muhyiddin Yassin. Beliau telah dikenakan gelaran Datuk setelah dianugerahkan Panglima Mahkota Wilayah (PMW). Sekarang beliau memegang dua jawatan iaitu Timbalan Menteri di Kementerian Wilayah Persekutuan dan Ahli Parlimen Malaysia di Sri Gading, Johor semjak tahun 2018.


Rektor ke 7



Prof. Dr. Hj. Mohd Sahar bin Sawiran

Beliau merupakan Provos yang sebelumnya dikenali sebagai jawatan Pengarah (sebelum ITM bertukar status ke UiTM). Prof. Dr. Hj. Mohd Sahar bin Sawiran juga merupakan pensyarah dari Fakulti Teknologi Maklumat dan Sains Komputer dan Matematik (FTMSK). Semasa pentadbiran beliau, UiTM Segamat telah dianugerahkan dengan pencapaian Kampus Pengurusan Kewangan Terbaik oleh Bendahari UiTM Kampus Induk. Perlantikan beliau ke jawatan tersebut berkuatkuasa pada 1 September 1995 dan berakhir pada 31 Oktober 2002.

Rektor ke 8



Prof. Madya Dr. Mohamed Hashim bin Mohd Kamil

Beliau merupakan mantan Pengarah UiTM Segamat yang ke-8 di mana mula menjalankan tugas pada 1 November 2002 sehingga 30 Jun 2006. Beliau merupakan pensyarah dari Fakulti Pengurusan Perniagaan. Beliau juga pernah dilantik menjadi pengarah di beberapa organisasi korporat seperti Ayamazz Sdn. Bhd., KFC Holdings Malaysia Berhad dan QSR Brands holdings Berhad.

Rektor ke 9 & 12



Prof Dr. Hj Omar bin Samat

Merupakan Rektor atau dulunya dikenali sebagai Pengarah di UiTM Cawangan Johor Kampus Segamat. Perlantikan beliau ke jawatan tersebut berkuatkuasa pada 1 Julai 2006 dan berakhir pada 4 Disember 2007. Pada 1 Oktober 2010 beliau sekali lagi dilantik sebagai Rektor UiTM Segamat bagi menerajui pentadbiran kampus sehingga tempoh jawatan beliau tamat pada 31 Januari 2015. Pelbagai kemudahan kepada pelajar serta kakitangan di UiTM Johor telah disediakan sepanjang perkhidmatan beliau. Beliau dikenali dengan sifatnya yang bersahaja dalam menyampaikan ucapan dan apabila berinteraksi dengan mahasiswa. Mempunyai kepakaran dalam bidang kewangan dan meminati sukan golf. Disebabkan oleh kepakaran serta pengalaman yang ada, beliau kini ditawarkan oleh UiTM untuk menyambung perkhidmatan sebagai pensyarah kontrak di UiTM Johor hanya selepas 2 bulan bersara.

Rektor ke 10



Prof. Dr. Haji Muhd Kamil bin Haji Ibrahim

Beliau telah dilantik menjadi Pengarah UiTM Segamat Cawangan Johor diantara tempoh 2008 hingga 2009. Beliau berpengalaman luas sebagai Pentadbir Akademik UiTM kerana pernah memegang jawatan Dekan Fakulti Sains Sukan, Timbalan Pengarah UiTM Johor, Ketua Program Perakaunan, Ketua Pusat Pendidikan Luar dan Pegawai Khas kepada Naib Canselor. Beliau adalah pengasas dan pengarah kepada Financial Reporting Research Center (FRRC) yang menjalankan kerja-kerja penyelidikan kepakaran bidang. Beliau kini bertugas di UniKL sebagai pensyarah perakaunan setelah menamatkan khidmat beliau sebagai tenaga pengajar di Universiti Taibah, Madinah pada tahun 2014. Kini beliau giat di dalam penulisan buku-buku kreatif dan motivasi selain daripada aktif di dalam aktiviti ceramah berbentuk dakwah dan keagamaan.

Rektor ke 11



Prof. Dr. Sohaimi bin Zakaria

Merupakan mantan Pengarah UiTM Segamat yang ke-11, yang telah menjadi Pengarah UiTM Segamat selama 14 hari bermula 1 Januari 2010 sehingga 15 Januari 2010. Beliau sekarang merupakan Dekan Fakulti Pengurusan Maklumat. Semasa beliau berkhidmat sebagai pengarah UiTM Cawangan Johor, beliau telah dipanggil oleh Naib Canselor UiTM pada ketika itu iaitu Tan Sri Sahol Hamid untuk ditawarkan posisi sebagai Pegawai Khas Naib Canselor UiTM bermula 1 Januari 2010 sehingga 31 Januari 2016. Selain aktif di dalam aktiviti-aktiviti pembangunan Sains Perpustakaan, beliau juga merupakan Ahli Profesional dalam Persatuan Perpustakaan Malaysia. Profesor Sohaimi Zakaria pernah dibiayai oleh Biro Penyelidikan dan Perundingan UiTM 1998-1999 bagi menjalankan 2 kaji selidik yang bertajuk "Projek Sistem Perpustakaan Berkomputer (SISPUKOM)" Fasa 1, 2 dan 3 serta "Kaji Selidik Mengenai Tabiat dan Minat Membaca di kalangan Siswa Siswi Institusi Pengajian Tinggi di Malaysia".

Rektor ke 13



Prof. Madya Dr. Azizan Abdullah

Profesor Madya Dr. Azizan Abdullah merupakan Rektor di UiTM Segamat selama 2 tahun 9 bulan bermula dari 1 Februari 2015 sehingga 31 Oktober 2017. Beliau mempunyai kepakaran dalam bidang Keusahawanan dan Perancangan Strategik. Beliau telah diberi kenaikan jawatan sebagai Professor Gred Khas C (VK7) dengan jawatan Penolong Naib Canselor (Keusahawanan) pada tahun 2018. Semasa memegang jawatan Penolong Naib Canselor, beliau telah menyumbang kepakaran beliau di Akademi SME & Pembangunan Keusahawanan Malaysia. Kini, Profesor Azizan berkhidmat sebagai Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar) di UiTM Shah Alam yang telah mula menjalankan tugas pada 1 Mac 2019.

Rektor ke 14



Prof. Madya Dr. Ahmad Naqiyuddin Bakar

Beliau telah dilantik menjadi Rektor UiTM Cawangan Johor Kampus Segamat pada 1 Januari 2018 dan perkhidmatannya sebagai Rektor masih diteruskan sehingga kini. Beliau memulakan pengajian di Fakulti Sains Pentadbiran dan Pengajian Polisi pada tahun 1999 dan merupakan graduan Universiti Islam Antarabangsa. Beliau menyambung pengajian di peringkat Sarjana dalam bidang Pengurusan Awam di Universiti Exeter, United Kingdom dan meneruskan pengajian di peringkat Doktor Falsafah di dalam bidang ICT Policy and Governance. Setelah menamatkan pengajian pada tahun 2008, beliau pulang ke Malaysia dan ditempatkan di UiTM Melaka dan kemudian bertukar ke Shah Alam dan dilantik sebagai Koordinator Unit Pemerhati di Pusat Perancangan Stategik UiTM bermula pada tahun 2008 sehingga 2016. Seterusnya, beliau dilantik sebagai Ketua Institusi Penyelidikan pada tahun 2010. Perlantikan sebagai felo penyelidik telah dibuat oleh UiTM berdasarkan pengalaman dan kepakaran yang ada pada beliau. Pada tahun 2018, beliau telah diaugerahkan sebagai Ahli Bertauliah oleh The Chartered Institute of Logistic and Transport (CLIT). CLIT merupakan pertubuhan profesional antarabangsa yang ditubuhkan di United Kingdom pada tahun 1919 bertujuan untuk membantu pihak kerajaan dan komuniti dalam menguruskan hal ehwal logistik dan pengangkutan di sebuah negara.



Pohon sirih pohon selasih,
Tumbuh merimbun di hujung laman,
Kalungan budi junjungan kasih,
Menjadi kenangan sepanjang zaman.

Sekapur sirih seulas pinang,
Jadi santapan putera raja,
Jasa baikmu pasti dikenang,
Menjadi tauladan sesiapa sahaja.



ARRANGEMENT

ORAL



جامعة
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Johor
Kampus Segamat

HISTORY

DESCRIPTION